

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 56 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 13 TAHUN 2024**

---

### **PERLANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU VERSI 4.0 (SMKBv4.0)**

**Pejabat Bendahari**

19 Ogos 2024

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 56 )

19 Ogos 2024

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 13/2024

### PERLANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU VERSI 4.0 (SMKBv4.0)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung perlanjutan tempoh pelaksanaan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 12 Tahun 2024 bertarikh 9 Ogos 2024 telah dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari bertujuan untuk menarik perhatian semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung penaiktarafan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) kepada Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0).
- 2.2 Pembangunan SMKBv4.0 ini telah dibuat sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman (*in-house*) dan dibangunkan oleh pihak Pejabat Ketua Pegawai Digital (CDO).
- 2.3 Berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 12 Tahun 2024 telah dinyatakan bahawa pelaksanaan SMKBv4.0 ini akan mula diguna pakai sepenuhnya oleh semua warga UTeM secara langsung (*Go-Live*) mulai 2 September 2024 (Isnin).

- 2.4 Bagi memastikan kelancaran proses melibatkan pelaksanaan SMKBv4.0 yang telah dirancang untuk dilaksanakan secara Mod Ujilari mulai pada 20 Ogos 2024, satu Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 kepada wakil Pentadbir PTj telah dilaksanakan melibatkan wakil-wakil Pentadbir bagi semua 23 PTj pada 13 Ogos 2024 dan 14 Ogos 2024.
- 2.5 Respon dan input yang diterima daripada Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 kepada wakil Pentadbir PTj tersebut telah dibincangkan oleh Pasukan Pejabat Bendahari bersama Pasukan Pejabat CDO di dalam Bengkel Ujilari Dan Pengujian Akhir Integrasi Keseluruhan Modul SMKBv4.0 yang telah diadakan pada 15 Ogos 2024 dan 16 Ogos 2024.

### 3.0 PERLANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN SMKBv4.0

- 3.1 Mengambil kira respon daripada Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 bersama wakil Pentadbir dan hasil perbincangan di dalam Bengkel Ujilari Dan Pengujian Akhir SMKBv4.0, pihak Pengurusan Pejabat Bendahari dan Pejabat CDO telah bersetuju agar:
  - 3.1.1 tarikh penggunaan SMKBv4.0 sepenuhnya secara langsung dan rasmi (*Go-Live*) **kekal pada 2 September 2024** (Isnin);
  - 3.1.2 proses migrasi dan *data conversion* bagi data tahun 2024 ke SMKBv4.0 oleh Pasukan Pejabat CDO akan dilaksanakan pada 17 Ogos 2024 dan 18 Ogos 2024 (Sabtu dan Ahad). SMKB sedia ada dibekukan sementara bagi tujuan berkenaan pada tarikh tersebut;
  - 3.1.3 SMKB sedia ada **masih boleh terus digunakan** dan diaktifkan semula pada 19 Ogos 2024 (Isnin). **Tempoh penggunaan SMKB sedia ada dilanjutkan sehingga 29 Ogos 2024 (Khamis) sahaja;**

3.1.4 Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 Kepada Kumpulan Sasar ditangguhkan ke tarikh 27 Ogos 2024 hingga 29 Ogos 2024 (Selasa hingga Khamis) yang akan melibatkan modul khusus SMKBv4.0 iaitu Modul e-OT, Modul Pendahuluan & Tuntutan dan Modul Perolehan;

Perancangan Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 Kepada Kumpulan Sasar			
Modul SMKBv4.0	Modul e-OT	Modul Pendahuluan & Tuntutan	Modul Perolehan
Cadangan Tarikh	27/08/2024	28/08/2024	29/08/2024

3.1.5 penggunaan SMKB sedia ada akan **dihentikan/dibekukan sepenuhnya mulai 30 Ogos 2024 hingga 1 September 2024** (Jumaat hingga Ahad). Proses *data conversion* bagi Tahun 2024 dari SMKB sedia ada ke SMKBv4.0 oleh pihak Pejabat CDO akan dilaksanakan semula pada tempoh tersebut; dan

3.1.6 penggunaan SMKBv4.0 secara **Mod Ujilari oleh pengguna dibatalkan** yang mana SMKBv4.0 akan terus dilaksanakan secara langsung (*Go-Live*) oleh semua warga UTeM mulai 2 September 2024 (Isnin).

3.2 Ringkasan butiran perancangan dan tindakan pelaksanaan terkini yang perlu diberi perhatian oleh semua warga UTeM berhubung proses transisi kepada SMKBv4.0 ini adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh Tindakan	Bil. Hari	Butiran Pelaksanaan Terkini
1.	17 Ogos 2024 hingga 18 Ogos 2024	2 hari	Semua penggunaan SMKB (Portal & Client) sedia ada akan dihentikan/dibekukan sementara waktu untuk proses migrasi dan <i>conversion data</i> ke SMKBv4.0 oleh Pasukan Pejabat CDO
2.	<b>19 Ogos 2024 hingga 29 Ogos 2024</b>	11 hari	<b>SMKB sedia ada masih boleh terus digunakan dan tempoh penggunaan SMKB sedia ada adalah sehingga 29 Ogos 2024 (Khamis) sahaja.</b>

Bil.	Tarikh Tindakan	Bil. Hari	Butiran Pelaksanaan Terkini
3.	27 Ogos 2024 hingga 29 Ogos 2024	3 hari	Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 kepada Kumpulan Sasar oleh Pasukan Pejabat CDO bersama Pasukan Pejabat Bendahari melibatkan modul khusus SMKBv4.0 iaitu <b>Modul e-OT, Modul Pendahuluan &amp; Tuntutan dan Modul Perolehan</b>
4.	30 Ogos 2024 hingga 1 September 2024	3 hari	Semua penggunaan SMKB sedia ada akan <b>dihentikan/dibekukan sepenuhnya mulai 30 Ogos 2024 (Jumaat)</b> untuk pelaksanaan semula proses migrasi dan <i>data conversion</i> ke SMKBv4.0 oleh Pasukan Pejabat CDO
5.	<b>2 September 2024</b>	-	<b>Penggunaan SMKBv4.0 sepenuhnya secara langsung &amp; rasmi pada 2 September 2024 (Isnin) - Go-Live</b>

#### 4.0 BANTUAN SOKONGAN DAN TALIAN HELPDESK SMKBv4.0

4.1 Sebarang isu atau masalah yang dihadapi oleh Pengguna SMKBv4.0 sepanjang tempoh transisi pelaksanaan SMKBv4.0 boleh dirujuk kepada **HelpDesk SMKBv4.0 di talian 06-270 1272** atau mendapatkan bantuan/sokongan terus daripada Pegawai Pejabat Bendahari dan Pegawai Pejabat CDO.

#### 5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ

5.1 Ketua PTj bertanggungjawab memastikan PTj masing-masing atau pegawai bertanggungjawab memberi perhatian kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.

5.2 Ketua PTj juga dinasihatkan agar membuat perancangan perbelanjaan dan pembayaran berkaitan program PTj yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat seperti persidangan, bengkel, program-program PTj dan pelajar serta sebagainya perlu mengambil kira tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.

Kerjasama dan perhatian semua warga UTeM mengenai perkara ini sangat diharapkan dalam memastikan pelaksanaan sepenuhnya **SMKBv4.0 (Go-Live)** mulai **2 September 2024** akan berjalan lancar seperti yang dirancang.

Sekian, harap maklum.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menandatangani amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka